



TEKS BACAAN KEDUA
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA SESI PEMBENTANGAN USUL
“ENAKMEN PERBADANAN ZON EKONOMI PERSISIRAN
PANTAI MELAKA 2021”

BismillahirRahmanirRahim,
Alhamdulillah Rabbil A’lamin, Wassolatuwassalamu A’la
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A’la Alihi Wasohbihi
Ajmain, Amma Ba’du,

YANG BERHORMAT DATUK SERI AB. RAUF BIN YUSOH
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA,

YANG BERHORMAT DATO’ TS KAMEL BIN MOHAMAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA,

YANG BERHORMAT TUAN HAJI ADLY BIN ZAHARI
KETUA PEMBANGKANG, MERANGKAP ADUN BUKIT KATIL,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI,

YANG BERHORMAT DATUK WIRA TIMBALAN SPEAKER,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TIDAK DAPAT SAYA SEBUTKAN NAMANYA SATU PERSATU, NAMUN ITU TIDAK HILANG HORMAT DAN NILAI PERSAUDARAAN SAYA KEPADA SEMUA, SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabaraktuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

1. Saya bangun sekali lagi mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama “Enakmen Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka 2021” dibaca bagi kali kedua.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Izinkan saya memberi penerangan mengenai tujuan Rang Undang-Undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini.
3. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai arah dan strategi yang wajar berhubung dengan sosioekonomi untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

PENGENALAN & SEJARAH TAMBAK LAUT

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Negeri Melaka telah mencatatkan pelbagai sejarah di mata dunia. Bermula dengan pengasas Kesultanan Melaka oleh Parameswara pada tahun 1400 Masihi, yang kemudiannya meletakkan asas kemajuan negeri Melaka sebagai pusat perdagangan yang terulung di rantau ini.
5. Membuka lembaran sejarah, kita semua tahu bahawa kedudukan Melaka yang begitu strategik telah menjadikannya sebagai tempat persinggahan para pedagang yang menghubungkan Barat hingga ke Timur. Kehadiran pedagang-pedagang dari Eropah, Arab, India hingga ke China menjadikan Melaka sebagai sebuah pelabuhan entreport yang sibuk dengan kehadiran kapal setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

6. Sejarah penambakan laut di Melaka telah bermula pada awal abad ke-20. Semasa zaman pemerintahan British, konsep pembangunan yang telah dirancang meliputi kawasan perumahan di dalam dan sekitar bandar, dilengkapi dengan infrastruktur asas dan

taman awam bagi tujuan menampung pertumbuhan penduduk.

7. Pada tahun 1939, pembangunan ini telah direalisasikan setelah kawasan di hadapan Kota A Famosa dan Padang Pahlawan siap ditambah dan seterusnya menjadi titik tolak terhadap perubahan morfologi dan latar bandar Negeri Melaka.
8. Proses pembandaran menerusi aktiviti tambakan laut turut dilaksanakan sekitar tahun 1970-an, iaitu semasa pentadbiran YAB Datuk Setia Haji Abdul Ghani bin Ali; Ketua Menteri Melaka Keempat. Penambakan laut secara komersil dengan keluasan 300 ekar dilaksanakan di kawasan Bandar Hilir dan Tengker, yang kini menjadi lokasi pembangunan bandar di kawasan Melaka Raya dan Kota Laksamana.

STATUS TAMBAKAN

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Sehingga kini, saya dimaklumkan sebanyak **57** buah konsesi dengan jumlah keluasan **11,083.56** ekar tambakan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri di sepanjang Persisiran Pantai Melaka. Walau bagaimanapun, hanya **37 peratus** daripada keseluruhan kawasan konsesi iaitu seluas **3,279.1**

ekar telah ditambah sepenuhnya dan hanya **267.90** ekar telah dibangunkan.

JUSTIFIKASI TAMBAKAN LAUT

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

10. Berdasarkan rekod Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), keseluruhan keluasan Negeri Melaka adalah **2,270** kilometer persegi dengan gunatanah tepubina menunjukkan peningkatan yang ketara. Tumpuan pembangunan dilihat lebih tertumpu di Daerah Melaka Tengah, terutama di kawasan yang berhampiran dengan pusat bandar.
11. Situasi ini menjadikan Daerah Melaka Tengah semakin kekurangan tanah untuk menampung keperluan dan permintaan semasa aktiviti perbandaran, dan seterusnya mengakibatkan serakan bandar yang kurang terkawal.
12. Seterusnya, kemajuan negeri Melaka dapat dilihat kepada evolusi urbanisasi di mana berlaku peningkatan yang mendadak terhadap **kadar perbandaran** iaitu kepada **95 peratus** pada tahun **2020** berbanding **23 peratus** pada tahun **1980**. Dengan keluasan tanah pembangunan yang terhad, kepadatan penduduk Melaka berada pada kedudukan keenam tertinggi iaitu **544** orang penduduk per

kilometer persegi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

13. Berdasarkan statistik ini, ia jelas menunjukkan keperluan Kerajaan Negeri untuk **mencari sumber alternatif** baharu bagi **menampung kepadatan kependudukan** untuk perancangan jangka masa panjang melalui tumpuan pembangunan ekonomi pesisiran pantai yang hanya mengambil **2.16 peratus ratio tambakan** berbanding keseluruhan jumlah keluasan tanah Negeri Melaka.
14. Berikutan perkembangan pesat pusat bandar Melaka serta halangan-halangan topografi dan pemilikan tanah, Kerajaan Negeri telah mensasarkan aktiviti penambakan laut untuk dijadikan kawasan pembangunan baharu bagi memenuhi permintaan terhadap tanah untuk tujuan pembangunan yang semakin tinggi.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Melalui perancangan pembangunan tebusguna tambakan laut ini, gangguan kepada pembangunan milikan tanah sedia ada sama ada dimiliki oleh pihak swasta mahupun individu, tidak akan berlaku.
16. Keperihatinan Kerajaan Negeri terhadap pemilikan tanah rakyat atau individu dan lain-lain yang terhad ini

merupakan faktor utama mengapa fokus rangsangan pembangunan diberikan kepada industri tambakan laut yang baharu.

17. Antara lain, tambakan laut dilihat sebagai keputusan yang lebih ekonomi berbanding dengan perolehan tanah mengikut pasaran, serta dapat mengelakkan isu-isu pemilikan tanah milik warga tempatan.
18. Selain itu, nisbah plot pembangunan di zon tambakan ialah bersamaan 1 nisbah 6 juga menjadikan zon komersial pesisiran pantai ini bernilai tinggi. Kawasan tambakan pesisir pantai merupakan pembangunan berimpak tinggi yang mempunyai nilai tambah kepada Negeri Melaka disebabkan kedudukannya dan juga akses kepada kawasan laut.
19. Di samping itu, pembangunan baharu di kawasan tambak laut ini akan bertindak sebagai pemangkin ekonomi Negeri Melaka dan secara tidak langsung menyumbang kepada pertambahan hasil Kerajaan Negeri serta meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka.
20. Selain itu, pembangunan ini juga dapat meningkatkan ekonomi negeri kepada koridor ekonomi baharu pesisiran pantai Negeri Melaka yang berimpak tinggi termasuk eksplorasi terhadap aktiviti maritim dan perdagangan pelabuhan yang sememangnya cukup sinonim dengan Negeri Melaka.

21. Saya amat optimis perairan Selat Melaka yang merupakan salah satu Pintu Masuk Antarabangsa antara Indonesia dan Malaysia berpotensi tinggi untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai destinasi pelancongan utama khususnya bagi aktiviti Kapal Persiaran (Cruise) dan pelabuhan.
22. Kawasan pembangunan M-WEZ yang bersebelahan dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO dan Sungai Melaka sekali gus dapat mengangkat dan memperkukuhkan produk-produk pelancongan UNESCO di Negeri Melaka.

ISU-ISU

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Negeri Melaka merupakan negeri yang aktif menjalankan tambakan laut bagi tujuan pembangunan dan ekonomi. Namun begitu, dalam usaha Kerajaan Negeri mewujudkan kawasan pembangunan tambak laut bagi menampung permintaan pembangunan, pelbagai isu dan permasalahan yang timbul dan bakal timbul perlu dilihat secara holistik dan '*futuristic*'.

24. Pembangunan konvensional seperti di Melaka Raya atau seumpamanya adalah tidak ekonomik dan tidak bersesuaian dengan potensi pembangunan masa hadapan di kawasan tambakan laut. Pembangunan tersebut tidak memberi impak jangka panjang disebabkan oleh komponen pembangunan yang berdensiti rendah dan kurang memberi nilai tambah selain konsep pembangunan yang tidak terancang.
25. Kawasan yang telah siap ditambak juga tidak dapat dibangunkan berikutan isu ketiadaan akses untuk membangunkan infrastruktur seperti jalan, parit, longkang, elektrik, sistem pembentungan dan sebagainya. Hal ini telah menyebabkan para pelabur berasa terbeban untuk memberi komitmen terhadap pembangunan Negeri Melaka.
26. Rekod tambakan laut semasa menunjukkan bahawa kawasan yang telah dibangunkan hanyalah **8 peratus** daripada jumlah kawasan yang telah ditambak. Peratusan yang begitu rendah ini membuktikan bahawa satu Badan Khas amat diperlukan bagi memantau, mengawal dan menyelaraskan arah tuju pembangunan di kawasan tambak laut.
27. Perancangan secara bersepadu melalui penyediaan Blueprint atau Pelan Induk memainkan peranan yang penting sebagai panduan kepada semua pembangunan di kawasan tambak laut. Badan Khas ini juga akan bertindak sebagai pemudahcara dan sebagai pusat

sehenti bagi sebarang permasalahan yang timbul di kawasan tambak laut.

PENUBUHAN M-WEZ

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Mengimbau kembali pada tahun 2020, kita dapat merasai impak yang sangat besar di mana Malaysia dan kebanyakan negara amnya, mengalami pertumbuhan ekonomi yang negatif berikutan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bertindak proaktif dengan mewujudkan peluang ekonomi baharu di Melaka.
29. Menariknya, kedudukan negeri ini yang strategik di perairan Selat Melaka serta kedalaman perairan yang sesuai untuk aktiviti pelabuhan dan maritim, menjadi antara laluan penting bagi sejumlah hampir 100,000 kapal setahun. Potensi yang berada di depan mata kita ketika ini sudah tentunya satu peluang yang mesti dimanfaatkan agar dapat diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat negeri Melaka.

30. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) Melaka yang bersidang pada bulan Jun 2020 yang telah bersama-sama menyumbang pandangan dan memberi nasihat sehingga tercetusnya idea penubuhan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ).
31. Semenjak itu, bermulalah perjalanan dengan menubuhkan pasukan khas untuk menyusun perancangan sehinggalah menyediakan perancangan inklusif agar M-WEZ ini dapat memberi impak positif kepada ekonomi, *liveability* dan *sustainability* negeri Melaka. Pengwujudan M-WEZ ini juga dibuat setelah mengambil kira daripada contoh-contoh pembangunan persisiran pantai di tempat lain seperti di Dubai, Hong Kong, Toronto dan Kanada.
32. Secara keseluruhannya, M-WEZ memfokuskan kepada pembangunan persisiran pantai di kawasan tambakan laut sedia ada dengan keluasan sejumlah **25,000 ekar** bermula dari **Pantai Puteri sehingga Umbai** di sepanjang **33 kilometer** pesisir pantai Melaka.
33. Daripada jumlah ini, **7,500 ekar** ditetapkan sebagai zon kawalan, manakala baki **17,500 ekar** adalah zon pembangunan yang akan menjadi *economy enabler (dengan izin)* bagi Melaka. Kawasan ini akan menyaksikan pelbagai bentuk perancangan pembangunan serta aspek penawaran kepelbagaian sektor ekonomi menerusi nukleus seperti berikut:

- i. Zon Kawalan ;
- ii. Melaka Harbourfront ;
- iii. Smart Logistik ;
- iv. Digital Satellite Township ;
- v. Central Eco Business Park ; dan
- vi. Trade Nucleus New Township.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Suka untuk saya tegaskan bahawa M-WEZ adalah *Big Move and Game Changer (dengan izin)* kepada pembangunan Melaka bagi tempoh 25 hingga 30 tahun akan datang. Ia dilihat mempunyai potensi untuk memperkukuhkan Melaka sebagai negeri berasaskan pelancongan di samping menerapkan ciri-ciri baharu yang bersepadu seperti pusat pelancongan antarabangsa, pusat komersial berasaskan Bandar Pintar, Industrial Revolution 4.0, Pusat Logistik Marina, pusat budaya gaya hidup moden dan lain-lain. Secara ringkasnya, *M-WEZ is where we live, work and play!*
35. Secara umumnya, wilayah ekonomi koridor yang diwujudkan oleh kerajaan negeri ini memberi penekanan ke arah mempromosikan pembangunan ekonomi yang seimbang serta saksama di seluruh negara.

36. Kita menyedari bahawa Melaka tidak termasuk di dalam mana-mana koridor ekonomi wilayah sedia ada di dalam Malaysia seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (Johor), *Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley*, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan *Malaysia Vision Valley* (Negeri Sembilan).
37. Namun, perlu dilihat daripada sudut positif iaitu bagaimana Melaka boleh menggunakan kelebihanannya, seperti dari segi tumpuan kedatangan pelancong saban tahun dan peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk meletakkan Melaka dalam lingkungan zon ekonomi yang penting pada masa hadapan.
38. Saya percaya, pengwujudan M-WEZ ini boleh menjadi pelengkap kepada wilayah-wilayah ekonomi sedia ada di samping meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat setempat.

PENUBUHAN PERBADANAN

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

39. Satu pasukan khas juga telah ditubuhkan selepas mendapat mandat daripada Pihak Berkuasa Negeri. Mulai 1 November 2020, Majlis Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone yang diletakkan di bawah struktur organisasi Jabatan Ketua Menteri Melaka telah menjalankan peranan sebagai *mediator* atau *facilitator* bagi pihak Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan semula konsesi tambakan sedia ada di samping merangka perancangan pembangunan di dalam kawasan M-WEZ.
40. Sebagai langkah untuk memantapkan fungsi yang akan dilaksanakan kelak, penubuhan Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka adalah sangat signifikan untuk merealisasikan visi M-WEZ sebagai sebuah koridor ekonomi bertaraf antarabangsa.
41. Perbadanan ini akan menjalankan peranan dalam aspek merancang dan mensyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dasar, hala tuju, dan strategi pembangunan untuk dilaksanakan selain mempromosi, merangsang serta menyelaraskan pelaburan dan aktiviti pembangunan di kawasan M-WEZ.

KEANGGOTAAN PERBADANAN

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

42. Keanggotaan Perbadanan Zon Ekonomi Pesisiran Pantai Melaka yang dicadangkan di dalam fasal 8 Rang undang-undang ini adalah merangkumi individu seperti berikut:

- i. Pengerusi, iaitu Ketua Menteri Melaka;
- ii. Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- iii. Tiga orang ahli Ex-Officio iaitu orang yang pada ini menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- iv. Tiga anggota lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- v. Tiga orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- vi. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan sebagai Setiausaha.

KEWANGAN

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

43. Seterusnya Bahagian VI, fasal 30 hingga 39 memberikan penerangan mengenai hal-hal kewangan Perbadanan. Menurut fasal 30 – Kumpulan Wang Perbadanan atau pendapatan, yang ditadbirkan dan dikawal oleh Perbadanan terdiri daripada:

- i. wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa;
- ii. wang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai oleh Kumpulan Wang;
- iii. wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan atau kumpulan wang pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh atau terletak hak kepada Perbadanan;
- iv. wang yang dipinjam oleh Perbadanan;
- v. fi, kos, levi, sumbangan dan caj lain yang dikenakan oleh Perbadanan; dan

vi. wang yang diterima daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat yang diberikan oleh Perbadanan.

44. Sebagai tambahan, Pihak Berkuasa Negeri menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 24 Tahun 2020 telah bersetuju supaya 10 peratus daripada jumlah kutipan hasil berkaitan di kawasan tambakan laut akan dikreditkan bagi tujuan pembangunan M-WEZ.

45. Pada amnya, Kumpulan Wang ini hendaklah dibelanjakan untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang menyokong ke arah pembangunan di dalam kawasan M-WEZ seperti perbelanjaan projek infrastruktur yang lengkap dan berkualiti; membiayai aktiviti promosi dan galakan pelaburan; di samping melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini seperti yang terkandung dalam fasal 31.

STATUS SEMASA M-WEZ

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

46. Berikut adalah keluasan bagi pembangunan M-WEZ ini melebihi **100 hektar** dan melibatkan pembangunan sensitif iaitu tambakan laut, cadangan Konsep Pembangunan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka

telah dibentangkan untuk mendapat nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

47. Mesyuarat **MPFN Ke-37 (Bil.1/2021)** pada **6 Mei 2021** telah memberi **27 nasihat** bagi cadangan konsep pembangunan M-WEZ dengan mengambil kira aspek berkaitan **alam sekitar, sosial dan ekonomi**. Manakala mesyuarat **MPFN Ke-38** pada **5 Julai 2021** telah bersetuju secara dasar ke atas cadangan pembangunan ini dengan mengambil kira pandangan, ulasan dan nasihat yang diberikan.
48. Bak kata pepatah, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang, Kerajaan Negeri telah menyusun beberapa tindakan dan perancangan awal untuk dilaksanakan bagi mencapai objektifnya, antaranya adalah :-
 - i. Penyediaan Laporan Blueprint M-WEZ yang komprehensif. Laporan ini memperuntukkan rangka keseluruhan, visi dan objektif pembangunan M-WEZ termasuk strategi-strategi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial;
 - ii. Cadangan pengwujudan satu badan berkanun bernama Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka atau Perbadanan M-WEZ. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini dapat memberi ketetapan yang jelas berkenaan dengan bidang kuasa Perbadanan M-WEZ bagi jangka masa panjang disamping membantu

meningkatkan keyakinan pelaburan terhadap komitmen Kerajaan Negeri untuk memajukan M-WEZ;

- iii. Mengenal pasti pembangunan projek berimpak tinggi melalui usahasama dengan pihak swasta. Antara projek yang sedang dirancang termasuklah cadangan pewartaan Zon Bebas Pulau Melaka, pembangunan Menara Ikonik M-WEZ, menaik taraf pelabuhan sedia ada dan pembinaan pelabuhan baru serta membangunkan Terminal Kapal Persiaran Antarabangsa; dan
 - iv. Jalinan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) selaku agensi penggalakan pelaburan utama Kerajaan Persekutuan dalam menarik pelabur asing ke kawasan M-WEZ.
49. Pada sudut yang sama, cadangan dan perancangan yang dinyatakan ini telah digerakkan menerusi beberapa siri rundingan bersama pihak yang berkepentingan untuk memastikan hasrat dan matlamat pihak kerajaan Negeri dapat dicapai.
50. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengadakan sesi libat urus di antara agensi teknikal dan semua konsesi syarikat terlibat dalam menyelaraskan komponen pembangunan konsesi untuk di adaptasikan ke dalam Blueprint M-WEZ yang akan dihasilkan kelak.

HALA TUJU

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

51. Bagi memastikan objektif Perbadanan dicapai, hala tuju strategik pembangunan akan diterjemahkan melalui penyediaan Blueprint M-WEZ yang merangkumi fasa pembangunan bagi keseluruhan cadangan pembangunan bagi tempoh selama **35 tahun** bermula daripada tahun **2020 hingga 2055**.
52. Penstrukturan M-WEZ meliputi perancangan guna tanah, perihal tanah, seni bina & reka bentuk bandar, pengurusan aliran trafik, pengangkutan & utiliti, kejuruteraan persekitaran laut serta sektor sokongan dan pengurusan dalam usaha menjadikan M-WEZ sebagai destinasi pelaburan antarabangsa.
53. Dengan pengwujudan M-WEZ, Kerajaan Negeri mensasarkan pelaburan berimpak tinggi dengan nilai sebanyak **RM100 billion** dan seterusnya menyumbang kepada pertambahan KDNK Negeri Melaka sebanyak **5 peratus** atau **RM2 bilion** setahun.
54. M-WEZ juga dijangka menawarkan sekurang-kurangnya **5,000 peluang pekerjaan baharu** setiap tahun dan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan rakyat setempat. Untuk makluman, Kerajaan Negeri dalam proses penyediaan Draf Rancangan

Pembangunan Komprehensif yang akan bertindak sebagai Pelan Induk yang merangkumi strategi pembangunan di kawasan M-WEZ seperti insentif yang bakal diberikan kepada para pelabur sebagai tarikan pelaburan berbanding di kawasan lain.

55. Penyediaan Pelan Induk bagi keseluruhan kawasan pembangunan M-WEZ merupakan pendekatan penyeragaman pembangunan dan memberi panduan kepada agensi lain seperti kerajaan dan pemaju dalam perancangan pembangunan.
56. Pelan Induk ini juga dapat dijadikan asas kepada penyediaan persekitaran kehidupan (*living environment*) yang selesa dan selamat serta memastikan keseimbangan pembangunan fizikal dengan alam sekitar melalui pengekalan kawasan semulajadi, pembangunan taman awam, pembangunan landskap di setiap kawasan lapang serta pembangunan kemudahan infrastruktur yang terancang.
57. Secara keseluruhannya, Pelan Induk M-WEZ ini berfungsi sebagai format yang jelas tentang perancangan terhadap pembangunan keseluruhan pada masa akan datang.
58. Penyediaan Pelan Induk ini merangkumi cadangan komponen pembangunan yang jelas termasuk perancangan infrastruktur asas seperti sistem

rangkaian jalan, sistem saliran, rizab infrastruktur, rangkaian hijau dan sebagainya.

59. Hasil daripada cadangan di peringkat kluster pembangunan, rangkaian perhubungan, rangkaian hijau, sistem saliran dan pembangunan utama akhirnya menghasilkan pelan konsep yang bersifat holistik. Pelan konsep ini memainkan peranan yang penting bagi memandu arah reka bentuk Pelan Induk yang akan dihasilkan.

RUMUSAN

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

60. Sebagai rumusan, saya amat memahami bahawa, kita perlu memberi tumpuan untuk menangani krisis pandemik COVID-19 dan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi bagi kesejahteraan rakyat Melaka.
61. Oleh yang demikian, sebagai langkah untuk mengembangkan dan menjana ekonomi Melaka pada masa hadapan, Kerajaan Negeri merangka pelaksanaan M-WEZ yang berpotensi meletakkan Melaka sebagai pusat pertumbuhan dan pembangunan baharu di negara ini.

62. Di kesempatan ini, ingin saya nyatakan bahawa M-WEZ adalah penting bagi masa hadapan Melaka. Usaha yang sedang giat kita jalankan ini bakal diwarisi oleh anak-anak, cucu keturunan kita nanti.
63. Ia bukan sekadar projek tambakan biasa yang bertujuan untuk spekulasi hartanah semata-mata. Sebaliknya, M-WEZ bertindak sebagai pemangkin baharu ekonomi Melaka, yang akan mentransformasi Melaka sebagai negeri yang berdaya saing dan berdaya huni.
64. Cadangan pembangunan fizikal bagi kawasan ini akan turut memberi penekanan kepada aspek alam sekitar, mobiliti, jaringan infrastruktur dan telekomunikasi yang berkualiti serta penerapan digitalisasi dan IR4.0.
65. Sepertimana Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, komponen pembangunan di dalam kawasan M-WEZ mencakupi pelbagai elemen yang akan membuka ruang dan potensi luas kepada kepelbagaian sektor ekonomi.
66. Secara tidak langsung, ia akan menarik perhatian para pelabur asing mahupun tempatan. Sebagai contoh, nukleus *Digital Satellite Township* mensasarkan komponen pembangunan *Central Business District (CBD)*, pelancongan dan rekreasi serta *entertainment and lifestyle park* selaras dengan strategi mewujudkan

kehidupan kondusif di dalam persekitaran yang lestari dan bandar pintar.

67. Sesungguhnya, kelebihan yang terdapat di Melaka dengan lokasinya yang strategik merupakan satu peluang dan manfaat yang mesti digunakan sebaiknya bagi membawa kesejahteraan kepada rakyat Negeri Melaka.
68. Sebagai langkah permulaan untuk meletakkan M-WEZ di persada antarabangsa, Kerajaan Negeri telah mempromosikannya menerusi platform Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Sinergi kolaborasi sedia ada di antara tiga negara ini akan membuka ruang bagi integrasi wilayah koridor ekonomi di bawah kerangka kerja (*dengan izin*) *Trade and Investment Facilitation*.
69. Walaupun begitu, kejayaan M-WEZ tidak hanya terletak kepada Kerajaan Negeri sahaja selaku pembuat dasar, sebaliknya, kita turut mengalu-alukan kerjasama awam-swasta dan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan dasar dan inisiatif yang telah dirangka tetap relevan dan dilaksanakan dengan jayanya.
70. Selain itu, Kerajaan Negeri tetap kekal dan komited untuk terus memastikan kebajikan dan masa depan nelayan yang terjejas akan terus diberi perhatian. Setiap pemajuan pembangunan tambakan laut adalah

tertakluk kepada pematuhan syarat untuk menyediakan laporan EIA, FIA dan lain-lain kajian berkaitan.

71. Oleh itu, *next course of action (dengan izin)* selepas penyediaan Blueprint atau Pelan Induk M-WEZ ini adalah melaksanakan kajian susulan khusus berhubung Pelan Tindakan Permerkasaan Ekonomi Nelayan Pesisir Pantai Melaka.
72. Fokus utama kajian ini adalah untuk menyediakan strategi peningkatan taraf hidup nelayan menerusi perancangan untuk para nelayan seperti peluang pekerjaan, perniagaan dan lain-lain di samping melihat kepada pengurusan biodiversiti alam sekitar persisiran pantai.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

73. Pembangunan M-WEZ merupakan salah satu pembangunan makro bagi perancangan strategik sehingga 30 tahun akan datang. Sehubungan dengan itu, pengwujudan sebuah badan khas menerusi Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka, adalah perlu untuk memberi fokus utama dalam membangunkan kawasan M-WEZ sehingga menjadi suatu koridor ekonomi bertaraf antarabangsa.

74. Perbadanan ini kelak akan menjalankan fungsi sebagai perancang, penyelaras, pelaksana dasar dan pemudah cara bagi segala urusan di dalam kawasan M-WEZ selain daripada usaha mempromosi pelaburan kepada bakal pelabur dari dalam dan luar negara.
75. Akhirul kalam, adalah menjadi harapan saya agar kita dapat bersama-sama menggembleng tenaga serta berkongsi pandangan untuk menyumbang ke arah pembangunan M-WEZ yang lebih lestari dan mencapai matlamat *quality living environment (dengan izin)*.
76. YB Datuk Seri Speaker, demikianlah sahaja pembentangan usul tentang M-WEZ ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mohon mencadang.

